



AYUB (tengah)  
melepaskan  
konvoi ekspedisi

## Warta tiga Taman Negara

**Tangkak:** Penemuan tumbuhan terancam spesies *Cycas Cantafolia* atau Paku Emas menyebabkan kerajaan negeri berusaha mewariskan tiga kawasan tadahan air di daerah ini sebagai Taman Negara Johor.

Tiga kawasan itu di Bukit Takau, Bukit Belading dan Bukit Reban Kambing seluas 320.21 hektar hanya dua kilometer dari Taman Negara Johor Gunung Ledang dan pewartaannya bakal menjadikan kawasan taman negara lebih luas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat berkata, sejajar penemuan spesies terancam itu, pihaknya berusaha menjadikan

tiga lokasi tadahan air itu sebagai sebahagian Taman Negara Johor.

“Ia sejajar pendekatan pemuliharaan kawasan perlindungan secara holistik dari gunung ke lautan yang digunakan kerajaan negeri.

“Malah, tiga kawasan itu mempunyai ‘Paku Emas’ yang juga tumbuhan disenaraikan dalam ‘Red List International Union For Conservation’ (IUCN) dan perlu dilindungi sebelum pupus,” katanya selepas merasmikan Ekspedisi Warisan Semula jadi Johor 2016 di Taman Negara Johor Gunung Ledang di sini, semalam.

Seramai 36 penyelidik mengambil bahagian dalam

ekspedisi itu diketuai Prof Maketab Mohamed dari Persekutuan Alam Semula jadi Johor bertujuan mengemas kini data menyokong proses pewartaan.

Ekspedisi disertai peserta dari Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Malaysian Nature Society (Johor), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Ayub berkata, pokok Paku Emas adalah spesies tumbuhan yang wujud sejak zaman pra sejarah dan pertama kali ditemui di negara ini.